

# Membantu rakyat perlu lebih berani dan kreatif



**Dari Kaca Mata**

**Saifuddin Nasution Ismail**

**Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengagawaan**  
[ysaifuddin@kpdnhep.gov.my](mailto:ysaifuddin@kpdnhep.gov.my)

Saya menyertai politik dengan satu semangat idealisme yang jelas iaitu untuk membantu rakyat mendapatkan kehidupan lebih baik. Maka, apabila saya diamanahkan menjadi Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengagawaan pada 2 Julai 2018, soalan yang sama saya tanyakan: 'bagaimana dengan tugas baru ini saya boleh hasilkan dasar dan program yang dapat menjadikan kehidupan rakyat lebih baik?'

Beritik tolak daripada soalan itu, saya duduk segera bersama pegawai Kementerian mencari idea dan program baru supaya boleh membantu meringankan kos sara hidup rakyat. Walaupun secara dasar KPDNHEP mempunyai fokus untuk membangunkan kegiatan ekonomi tempatan, rakyat masih kekal melihat KPDNHEP sebagai Kementerian yang bertanggungjawab berkenaan kos sara hidup dan harga barang.

relawan untuk diagihkan oleh kumpulan sasar yang dikenal pasti.

Mengawal selia pasar raya di Malaysia adalah di bawah bidang tugas KPDNHEP. Saya melihat ada satu peluang besar jika kerjasama bersama pasar-pasar raya besar dapat dijalinan supaya mereka menjadi penyumbang. Alhamdulillah, sejak *Foodbank Malaysia* peringkat kebangsaan dilancarkan secara rasmi pada 22 Disember 2018, sejumlah 430 cawangan pasar raya di seluruh negara bersetuju untuk menyumbangkan lebih makanan ke pada KPDNHEP.

Saya juga sudah mendapatkan persetujuan pertubuhan sukarelawan untuk menjayakan *Foodbank Malaysia* kerana saya secara peribadi percaya program ini berpotensi menyemarakkan semangat kesukarelawanan pada peringkat akar umbi.

Food Aid Foundation, Kechara Soup Kitchen dan Mutiara Foodbank bersetuju untuk dilantik menjadi rakan strategik KPDNHEP bagi membantu aspek pengagihan dan latihan operasi. Ketiga-tiga pertubuhan ini terlebih awal melaksanakan program serupa membantu rakyat dan saya bersyukur kerana mereka ikut serta membantu Kementerian.

Setakat Julai 2019, sebanyak 204,279 ahli isi rumah mendapat manfaat program ini. Saya sentiasa tekankan kepada pegawai

(NACCOL) yang dipengerusikan Timbalan Perdana Menteri dengan KPDNHEP menjadi sekretariat kepada majlis ini. Apabila berita mahasiswa mengikat perut dilaporkan media, NACCOL mengambil keputusan untuk mengarahkan KPDNHEP supaya meluaskan program *Foodbank Malaysia* ini seluruh universiti awam di Malaysia.

Konsep pelaksanaan *Foodbank Malaysia* di universiti awam yang dikenali sebagai *Foodbank Siswa* agak berbeza sedikit kerana mengambil pendekatan mewujudkan tempat simpanan makanan (*food pantry*) untuk makanan kering dan bagi universiti yang memiliki dapur boleh memasak lebih makanan untuk diagihkan kepada mahasiswa yang memerlukan.

Setakat ini, program *Foodbank Siswa* dilancarkan di Universiti Kebangsaan Malaysia Kampus Perubatan (27 Februari 2019), UiTM Permatang Pauh (23 Mac 2019), Universiti Putra Malaysia (28 Mac 2019), Universiti Malaysia (9 April 2019), Universiti Teknologi Malaysia, Johor (15 April 2019), Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu (29 April 2019), Universiti Teknologi Malaysia, Kuala Lumpur (3 Mei 2019), Universiti Malaysia Sarawak (3 Mei 2019), Universiti Malaysia Sabah (10 Mei 2019), Universiti Pendidikan Sultan Idris (24 Mei 2019) dan Universiti Teknikal Malaysia (3

Julai 2019).

Insyallah, kesemua pelancaran program *Foodbank Siswa* di setiap universiti awam akan dilaksanakan pada tahun ini juga.

Kelangsungan program *Foodbank Malaysia* kini diteruskan dengan penubuhan Yayasan *Foodbank Malaysia*. Yayasan ini akan memacu perkembangan program ke seluruh negara dan menyelaras operasi pelaksanaan program.

Saya ingin ucapkan terima kasih kepada semua yang menyokong termasuk keputusan Menteri Kewangan yang meluluskan peruntukan sekitar RM3 juta bagi tujuan pembelian lori beserta pendingin (chiller) bagi tujuan pengambilan dan pengagihan lebih makanan.

Skim Kawalan Harga Musim Perayaan (SKHMP) ini sebenarnya dilaksanakan bermula tahun 2000 di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011. Objektif skim ini adalah untuk memastikan harga barangan keperluan yang dibeli oleh pengguna pada musim perayaan terkawal dan berpatutan kerana akan ada permintaan tinggi bagi sesetengah barangan keperluan. Skim ini sekarang dikenali sebagai Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP).

Saya melihat wujud ruang untuk menambah baik skim ini bagi

memastikan kepentingan pengguna dapat dilindungi dengan lebih baik. Hasil perbincangan bersama pegawai, saya memutuskan untuk memanjangkan tempoh skim kawalan harga ini supaya pengguna dapat menikmati harga barangan keperluan yang berpatutan untuk tempoh lebih lama.

Contohnya, tempoh skim kawalan harga bagi Hari Raya Puasa dipanjangkan daripada 15 hari ke pada 30 hari dan bagi Pesta Karaman dan Hari Gawai dipanjangkan daripada tujuh hari ke pada 14 hari.

Bilangan barangan yang dikawal harga turut ditambah supaya lebih banyak barangan dapat dibeli oleh pengguna pada hari berpatutan. Contohnya, bagi Aidilfitri, 27 barangan ditambah berbanding 21 barangan sebelum ini. Tambahan barangan ini adalah ikan segar beku kembung, ikan segar beku selar, ikan segar beku selayang, kacang panjang, kacang tanah dan cili kering.

Penambahan bilangan barangan dikawal harga dan pamanjangan tempoh skim ini mampu dilaksanakan dengan lancar kerana KPDNHEP bekerjasama bersama Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani untuk melancarkan unjuran bekalan supaya mencukupi sekali gus harga berada pada paras terkawal wa-

*Lihat Muka 14*





**Pelaksanaan Program Foodbank Malaysia antara inisiatif membantu golongan sasar dalam mengurangkan beban kos sara hidup.**  
(Foto Hiasan)

saya, bahawa rukun kejayaan ke- pada program ini adalah perlu bersifat berterusan dan bekalan lebihan makanan tidak boleh ter- putus.

Ada segelintir yang meman- dang remeh program ini kerana dianggap bukan jalan penyelesaian sebenar kepada kos sara hidup rakyat. Keputusan saya melancar- kan program *Foodbank* Malaysia ini adalah berdasarkan data dan senario semasa seperti dilaporkan Jabatan Perangkaan Malaysia yang mengesahkan sebahagian besar perbelanjaan kumpulan B40 adalah untuk makanan dan mi- numan (27 peratus).

Selain memberi makanan yang lengkap dengan nutrien asas, go- longan B40 juga boleh membuat perijimatan perbelanjaan maka- nan sekali gus menambah pen- dapatan boleh guna harian me- reka untuk kegunaan lain.

Program *Foodbank* Malaysia ini juga mendapat perhatian Ma- jlis Tindakan Sara Hidup Negara

Ini tidak mengejutkan kerana KPDNHEP bertanggungjawab melindungi hak pengguna. Atas premis ini, saya harus pantas me- nuntut harapan rakyat itu ber- damai dalam bidang kuasa yang ada di Kementerian ini.

Pelbagai inisiatif KPDNHEP untuk membantu meringankan kos sara hidup rakyat dilaksanakan. Usaha ini ada yang berben- tuk program baru dan ada juga yang ditambah baik pelaksana- nanya.

Program *Foodbank* Malaysia ini amat dekat di hati saya. Kon- sep program ini adalah menye- jematkan lebihan makanan (*food surplus*) dari pasar raya, dapur-da- pur hotel dan restoran yang masih selamat untuk dimakan dan di- berikan kepada kumpulan asnaf kumpulan B40. Lebihan ma- karan ini adalah seperti roti, kek, sayur-sayuran dan buah-buahan yang tidak habis dijual tetapi ma- lah selamat untuk dimakan yang kebanyakannya dikumpul oleh suka-

Pengarang Kumpulan <b>RHAIDAR A. MAJID</b> rahaidr@bh.com.my	Pengarang Eksekutif Kanan <b>SAIDON IDRIS</b> saidon@bh.com.my	Pengarang Eksekutif Komersial & Eihwal Semasa <b>DATUK AHMAD ZAINI KAMARUZZAMAN</b> madzaini@bh.com.my	Pengarang Eksekutif Berita & Digital <b>M THILLINATHAN</b> thilly@bh.com.my	Pengarang Eksekutif Pengeluaran <b>AZHAR A SAMAH</b> azharas@bh.com.my
--	--	--	---	--



Ahad, 18 Ogos 2019 | 11:01am



Pelaksanaan Program Foodbank Malaysia antara inisiatif membantu golongan sasar dalam mengurangkan beban kos sara hidup. - Foto hiasan

## Membantu rakyat perlu lebih berani dan kreatif

Oleh Saifuddin Nasution Ismail  
ybsaifuddin@kpdnhep.gov.my

Saya menyertai politik dengan satu semangat idealisme yang jelas iaitu untuk membantu rakyat mendapatkan kehidupan lebih baik. Maka, apabila saya diamanahkan menjadi Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna pada 2 Julai 2018, soalan yang sama saya tanyakan: 'bagaimana dengan tugas baru ini saya boleh hasilkan dasar dan program yang dapat menjadikan kehidupan rakyat lebih baik?'

Bertitik tolak daripada soalan itu, saya duduk segera bersama pegawai kementerian mencari idea dan program baru supaya boleh membantu meringankan kos sara hidup rakyat. Walaupun secara dasar KPDNHEP mempunyai fokus untuk membangunkan kegiatan ekonomi tempatan, rakyat masih kekal melihat KPDNHEP sebagai kementerian yang bertanggungjawab berkenaan kos sara hidup dan harga barang.

Ini tidak mengejutkan kerana KPDNHEP bertanggungjawab melindungi hak pengguna. Atas premis ini, saya harus pantas memenuhi harapan rakyat itu berdasarkan bidang kuasa yang ada di kementerian ini.

Pelbagai inisiatif KPDNHEP untuk membantu meringankan kos sara hidup rakyat dilaksanakan. Usaha ini ada yang berbentuk program baru dan ada juga yang ditambah baik pelaksanaannya.



Program *Foodbank* Malaysia ini amat dekat di hati saya. Konsep program ini adalah menyelamatkan lebih makanan (*food surplus*) dari pasar raya, dapur-dapur hotel dan restoran yang masih selamat untuk dimakan dan diagihkan kepada kumpulan asnaf atau kumpulan B40. Lebih makanan ini adalah seperti roti, kek, sayur-sayuran dan buah-buahan yang tidak habis dijual tetapi masih selamat untuk dimakan yang selanjutnya dikumpul oleh sukarelawan untuk diagihkan oleh kumpulan sasar yang dikenal pasti.

Mengawal selia pasar raya di Malaysia adalah di bawah bidang tugas KPDNHEP. Saya melihat ada satu peluang besar jika kerjasama bersama pasar-pasar raya besar dapat dijalinakan supaya mereka menjadi penyumbang. Alhamdulillah, sejak *Foodbank* Malaysia peringkat kebangsaan dilancarkan secara rasmi pada 22 Disember 2018, sejumlah 430 cawangan pasar raya di seluruh negara bersetuju untuk menyumbangkan lebih makanan kepada KPDNHEP.

Saya juga sudah mendapatkan persetujuan pertubuhan sukarelawan untuk menjayakan *Foodbank* Malaysia kerana saya secara peribadi percaya program ini berpotensi menyemarakkan semangat kesukarelawanan pada peringkat akar umbi.

Food Aid Foundation, Kechara Soup Kitchen dan Mutiara Foodbank bersetuju untuk dilantik menjadi rakan strategik KPDNHEP bagi membantu aspek pengagihan dan latihan operasi. Ketiga-tiga pertubuhan ini terlebih awal melaksanakan program serupa membantu rakyat dan saya bersyukur kerana mereka ikut serta membantu kementerian.

Setakat Julai 2019, sebanyak 204,279 ahli isi rumah mendapat manfaat program ini. Saya sentiasa tekankan kepada pegawai saya, bahawa rukun kejayaan kepada program ini adalah perlu bersifat berterusan dan bekalan lebih makanan tidak boleh terputus.

Ada segelintir yang memandang remeh program ini kerana dianggap bukan jalan penyelesaian sebenar kepada kos sara hidup rakyat. Keputusan saya melancarkan program *Foodbank* Malaysia ini adalah berdasarkan data dan senario semasa seperti dilaporkan Jabatan Perangkaan Malaysia yang mengesahkan sebahagian besar perbelanjaan kumpulan B40 adalah untuk makanan dan minuman (27 peratus).

Selain memberi makanan yang lengkap dengan nutrien asas, golongan B40 juga boleh membuat penjimatan perbelanjaan makanan sekali gus menambah pendapatan boleh guna harian mereka untuk kegunaan lain.

Program *Foodbank* Malaysia ini juga mendapat perhatian Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) yang dipengerusikan Timbalan Perdana Menteri dengan KPDNHEP menjadi sekretariat kepada majlis ini. Apabila berita mahasiswa mengikat perut dilaporkan media, NACCOL mengambil keputusan untuk mengarahkan KPDNHEP supaya meluaskan program *Foodbank* Malaysia ini seluruh universiti awam di Malaysia.

Konsep pelaksanaan *Foodbank* Malaysia di universiti awam yang dikenali sebagai *Foodbank*Siswa agak berbeza sedikit kerana mengambil pendekatan mewujudkan tempat simpanan makanan (*food pantry*) untuk makanan kering dan bagi universiti yang memiliki dapur boleh memasak lebih makanan untuk diagihkan kepada mahasiswa yang memerlukan.

Setakat ini, program *Foodbank* Siswa dilancarkan di Universiti Kebangsaan Malaysia Kampus Perubatan (27 Februari 2019), UiTM Permatang Pauh (23 Mac 2019), Universiti Putra Malaysia (28 Mac 2019), Universiti Malaya (9 April 2019), Universiti Teknologi Malaysia, Johor (15 April 2019), Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu (29 April 2019), Universiti Teknologi Malaysia, Kuala Lumpur (3 Mei 2019), Universiti Malaysia Sarawak (3 Mei 2019), Universiti Malaysia Sabah (10 Mei 2019), Universiti Pendidikan Sultan Idris (24 Mei 2019) dan Universiti Teknikal Malaysia (3 Julai 2019).

Insya-Allah, kesemua pelancaran program *Foodbank* Siswa di setiap universiti awam akan disempurnakan pada tahun ini juga.



Kelangsungan program Foodbank Malaysia kini diteruskan dengan penubuhan Yayasan Foodbank Malaysia. Yayasan ini akan memacu perkembangan program ke seluruh negara dan menyelaraskan operasi pelaksanaan program.

Saya ingin ucapkan terima kasih kepada semua yang menyokong termasuk keputusan Menteri Kewangan yang meluluskan peruntukan sekitar RM3 juta bagi tujuan pembelian lori beserta pendingin (chiller) bagi tujuan pengambilan dan pengagihan lebih makanan.

Skim Kawalan Harga Musim Perayaan (SKHMP) ini sebenarnya dilaksanakan bermula tahun 2000 di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011. Objektif skim ini adalah untuk memastikan harga barangan keperluan yang dibeli oleh pengguna pada musim perayaan terkawal dan berpatutan kerana akan ada permintaan tinggi bagi sesetengah barangan keperluan. Skim ini sekarang dikenali sebagai Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP).

Saya melihat wujud ruang untuk menambah baik skim ini bagi memastikan kepentingan pengguna dapat dilindungi dengan lebih baik. Hasil perbincangan bersama pegawai, saya memutuskan untuk memanjangkan tempoh skim kawalan harga ini supaya pengguna dapat menikmati harga barangan keperluan yang berpatutan untuk tempoh lebih lama.

Contohnya, tempoh skim kawalan harga bagi Hari Raya Puasa dipanjangkan daripada 15 hari kepada 30 hari dan bagi Pesta Kaamatan dan Hari Gawai dipanjangkan daripada tujuh hari kepada 14 hari.

Bilangan barangan yang dikawal harga turut ditambah supaya lebih banyak barangan dapat dibeli oleh pengguna pada harga berpatutan. Contohnya, bagi Aidilfitri, 27 barangan ditambah berbanding 21 barangan sebelum ini. Tambahan barangan ini adalah ikan segar beku kembung, ikan segar beku selar, ikan segar beku selayang, kacang panjang, kacang tanah dan cili kering.

Penambahan bilangan barangan dikawal harga dan pemanjangan tempoh skim ini mampu dilaksanakan dengan lancar kerana KPDNHEP bekerjasama bersama Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani untuk melakukan unjuran bekalan supaya mencukupi sekali gus harga berada pada paras terkawal walaupun berlaku permintaan tinggi.

Ternyata, strategi ini membuahkan hasil. Sepanjang skim ini dilaksanakan, pematuhan kepada skim adalah sangat baik. Sebanyak 60,878 premis perniagaan dipantau oleh Bahagian Penguatkuasa ketika Aidilfitri dan hanya 362 premis dikesan melakukan kesalahan, dengan 13 kes menjual melebihi harga maksimum, 307 kes tidak pameran tanda harga khas dan 42 kes tidak mempamerkan tanda harga.

Berdasarkan laporan, selain kadar pematuhan tinggi terhadap harga maksimum ditetapkan di bawah SHMMP, banyak premis perniagaan juga menjual barangan keperluan pada harga lebih murah. Saya gembira mendapat makluman bahawa penambahbaikan skim kawalan harga ini mendapat sambutan positif terutamanya di media sosial.

Saya cukup lega mendengar komen yang sebegitu baik itu yang memberikan isyarat bahawa keputusan yang dicapai itu adalah tepat dengan kehendak dan keadaan semasa rakyat.

Antara laporan yang sering saya terima sejak berada di KPDNHEP adalah aspek penguatkuasaan berkenaan mengawal selia harga dan bekalan barang kawalan, membanteras ketirisan barang bersubsidi, melindungi harta intelek dan menangani isu kepenggunaan.

Saya percaya aspek pemantauan dan penguatkuasaan undang-undang akan terus memainkan peranan penting dalam melindungi hak pengguna. Keberadaan sentiasa pegawai penguatkuasaan di lapangan bermaksud KPDNHEP akan ada sentiasa ada 'mata' dan 'telinga' yang memerhati sekali gus menghantar isyarat jelas kepada peniaga untuk terus beretika dalam berniaga.

Setakat ini, Bahagian Penguatkuasa sudah memeriksa 799,736 premis dan daripada pemeriksaan itu, sebanyak 13,661 kertas siasatan dibuka di bawah pelbagai akta dengan nilai rampasan sekitar RM55 juta. Daripada kesemua kes itu, sejumlah RM 10,883 dikenakan kompaun dan denda dengan nilai dianggarkan sebanyak RM7.6 juta.



Ketika KPDNHEP berhadapan dengan isu kenaikan harga telur, Bahagian Penguatkuasa terus mengambil tindakan sewajarnya berdasarkan peruntukan undang-undang sedia ada. Pada Mac tahun ini, Bahagian Penguatkuasa menyita 10,000 telur ayam di Melaka membabitkan kesalahan pencatutan bawah Akta Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011. Kes sitaan telur ini adalah yang pertama untuk 2019 hasil daripada siasatan dan pemantauan berterusan pasukan penguatkuasa.

Komitmen saya jelas yakni saya akan terbuka menerima idea-idea baharu untuk terus memantapkan aspek penguatkuasaan sama ada memperkemas latihan dan operasi, menggunakan teknologi terkini dan termasuklah merombak atau merangka undang-undang penguatkuasaan yang lebih berkesan.

Saya percaya kerajaan baharu ini dipilih oleh rakyat supaya perubahan positif berlaku dalam kehidupan mereka. Maka, pendekatan saya dalam mendepani cabaran di kementerian juga akan tampil lebih kreatif dan berani. Saya akan menjadi kreatif dari segi meneroka idea baru yang tidak pernah dilaksanakan selagi mana dilihat praktikal dan menghasilkan impak positif.

Saya juga akan terus berani mencuba pendekatan baharu dan tidak terikat dengan cara lama supaya kita boleh bergerak ke hadapan membawa dasar-dasar kementerian yang lebih progresif dan dilihat berimpak tinggi kepada rakyat.

Saya percaya rakyat akan menghargai setiap usaha daripada kerajaan untuk membantu kehidupan mereka menjadi lebih baik daripada semalam. Sama ada usaha itu kecil atau besar bukanlah ukuran sebaliknya keikhlasan dan kesungguhan itu yang akan dinilai oleh rakyat.

Insyaa-Allah, saya akan kongsi lebih banyak inisiatif KPDNHEP dalam penulisan akan datang.

**Penulis adalah Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna**

